



## SERANGAN BOM KOTA LONDON : KESEMPATAN PROPAGANDA BARAT KE ATAS UMAT ISLAM.

Pada 7hb Julai 2005, dunia dikejutkan dengan satu lagi tragedi serangan bom. Kali ini, giliran kota London pula mengalaminya. Sebuah bas dan tiga stesen tren bawah tanah menjadi sasaran. Ketika makalah ini ditulis, seramai 50 orang telah dilaporkan terkorban manakala 700 orang yang lain cedera. Sehingga kini pihak berkuasa Britain masih belum dapat mengesahkan siapakah yang menjadi dalang dibalik pengeboman tersebut. Meskipun begitu, kebanyakan pemimpin barat dan media massa telah pun membuat anggapan awal dengan mengatakan bahawa kumpulan pengganas Islamlah yang melakukannya.

Berikutan serangan bom ke atas kota London, pihak berkuasa di sesetengah negara mula melancarkan operasi keselamatan seperti menambah bilangan anggota bersenjata yang bertugas di tempat-tempat strategik dan ada juga yang mula melakukan soal-siasat serta penangkapan. AFP melaporkan bahawa kerajaan Itali menerusi kementerian dalam negerinya telah menahan 142 orang pendatang yang mana setengah daripadanya merupakan pendatang tanpa izin di dalam satu operasi keselamatan besar-besaran selama dua hari di kawasan utara wilayah Lombardy, Milan. Di dalam operasi selama 48 jam tersebut, mereka telah menyoal siasat lebih 7000 orang termasuklah 800 orang pendatang dan rakyat asing. Bernama pula melaporkan bahawa kerajaan Singapura akan menubuhkan satu unit khas di dalam pasukan polis untuk mengawasi semua operasi stesen bawah tanahnya. Ini dilakukan sebagai langkah berjaga-jaga rentetan daripada peristiwa serangan bom di kota London minggu lepas.

Bersiap-siaga terhadap kemungkinan diserang di kalangan negara-negara dunia lain berikutan serangan bom kota London merupakan tindakan yang wajar. Pihak berkuasa tempatan juga berhak untuk melakukan apa yang perlu demi menjaga keselamatan penduduk awam yang lain. Akan tetapi, perbuatan mengambil kesempatan rentetan kejadian serangan bom di London tempoh hari dengan melancarkan propaganda baru ke atas umat Islam merupakan tindakan yang tidak dapat diterima oleh umat Islam. Dalam menghadapi serangan propaganda yang bertubi-tubi ini, apakah yang sewajarnya dilakukan oleh umat Islam?

### **PROPAGANDA BARAT**

CNN melaporkan bahawa Perdana Menteri Britain, Tony Blair dengan nada yakin melautkan bahawa serangan bom ke atas penduduk kota London yang mengorbankan 50 orang itu adalah sebagai serangan keganasan terhadap penduduk dunia. Kerana itu, beliau mengajak agar seluruh penduduk dunia menentang anasir-anasir pengganas ini. Mungkin Blair terlupa statistik korban umat Islam di Iraq, yang disediakan oleh Iraq Body Count yang menjelaskan kepada kita bahawa korban masyarakat awam di Iraq adalah dianggarkan sebanyak 22,787 - 25,814 orang. Jadi siapakah Pengganas sebenarnya? Blair mengajak rakyat Britain dan dunia amnya agar bersama-sama menentang keganasan yang dikatakannya sebagai sesuatu yang mengakar (*deep rooted*) di dalam dunia Islam. Tindakan ini didasarkan kepada ketidakstabilan politik yang sedang melanda dunia Islam hari ini. Oleh itu tidak hairanlah walaupun belum selesai penyiasatan, kumpulan Al-Qaeda telah dipersalahkan atas kejadian tersebut.

Tony Blair di dalam kenyataan rasminya menyatakan bahawa pengeboman yang berlaku di London ini adalah perbuatan puak pengganas Islam. Media-media Britain pula melaporkan sebuah laman web yang menurut mereka ditaja

oleh "Pertubuhan Rahsia Al Qaeda Eropah" telah mengeluarkan kenyataan rasmi mengaku melakukan siri serangan bom di kota London tempoh hari. Walaubagaimanapun, terdapat kesilapan di dalam kenyataan tersebut yang menunjukkan kepada kita bahawa laman web tersebut bukanlah ditaja oleh kumpulan al-Qaeda.

**\*Bicara Sautun Nahdhah ada dibahagian belakang !!!**

Memandangkan umat memerlukan pandangan Islam dalam setiap isu, maka Sautun Nahdhah telah menyediakan ruangan Bicara SN untuk memberikan sedikit ulasannya terhadap isu-isu lain. Sila layari laman web kami untuk keterangan lanjut dan pendapat terhadap isu lain.

<http://www.mykhilafah.com>

**Bicara SN1 : Live 8 & 'Make Poverty History' mampukah mancapai maksud.**

**Bicara SN2 : Siapakah role model atau idola sejati kita???**

Terdapat dua sebab mengapa dikatakan laman tersebut bukan ditaja oleh kumpulan Al Qaeda:

**Pertama:** Biasanya, semua kenyataan-kenyataan rasmi Al-Qaeda akan dihantar terlebih dahulu kepada wartawan Arab dan bukannya dari BBC atau Reuters. Kenyataan ini mula ditimbulkan di dalam media massa arus perdana dan selepas itu baru dikutip oleh media Arab dan ini amat bercanggah dengan tindakan yang dilakukan oleh al-Qaeda sebelum ini. Realiti ini sahaja sudah cukup untuk meragukan kesahihannya.

**Kedua:** Bahasa Arab yang digunakan di dalam kenyataan rasmi dan laman web tersebut terdapat banyak kesalahan nahu. Tetapi, kesalahan yang paling utama ialah kecacatan didalam memetik dalil daripada ayat-ayat Al Quran. Padahal, bagi para pejuang Mujahidin yang hidup dan mati mereka semata-mata kerana hendak meninggikan kalimat Allah swt, kesilapan di dalam menulis dan membaca ayat-ayat suci Al Quran sudah dianggap kesilapan yang besar.

Mungkin dalam masa terdekat, Al-Qaeda akan dipersalahkan melakukan serangan tersebut tetapi mereka tidak boleh mengaitkannya dengan hanya menyebarkan dakwaan-dakwaan palsu yang tersebar luas ketika ini. Walau apa jua hasil siasatannya nanti, meskipun terdapat keraguan di dalam tohmahan tersebut, Britain akan terus menuduh puak penganas Islam yang melakukannya. Mereka akan terus melancarkan kempen membenci komuniti Islam di seluruh dunia. Laungan hapuskan teroris Islam akan terus berkumandang dan kempen ini akan terus berlaku secara berterusan sehinggalah hasrat mereka tercapai.

## **ISLAM MELAWAN PROPAGANDA KAUM KUFFAR**

Propaganda yang dilancarkan oleh kaum kuffar mestilah ditentang berdasarkan perspektif Islam. Aqidah Islam telah mengangkat martabat umat Islam ke taraf yang cukup tinggi. Cara berfikir Islam berbeza dengan cara berfikir kaum kuffar. Umat Islam tidak seharusnya terperangkap dengan permainan propaganda yang dilancarkan oleh kaum kuffar. Pertentangan di antara pemikiran Islam dan idea-idea kuffar telah berlaku sejak Rasulullah saw menerima wahyunya yang pertama. Pertentangan ini akan terus berlangsung sehingga kalimat Allah swt tertegak seluruhnya di muka bumi ini. Apakah pula alasan kita untuk menafikan pertentangan tersebut?. Firman Allah swt :

*“Dialah Tuhan yang mengutus RasulNya dengan membawa petunjuk dan agama yang benar untuk dimenangkan atas seluruh agama yang ada, meskipun orang-orang musyrik membencinya [TMQ Ash Shaff (61) : 9]*

Pada akhir bulan Rejab tahun kedua hijrah, iaitu setelah berlakunya perang Safawan atau lebih dikenali sebagai perang badar pertama, berlaku pula suatu peristiwa yang mencetuskan konflik di antara kaum kuffar di Mekah dan kaum muslimin di Madinah. peristiwa tersebut berkisar tentang pembunuhan yang dilakukan oleh *sariyah* yang diketuai oleh Abdullah bin Jahsy. *Sariyah* adalah sebuah pasukan bersenjata kecil yang terdiri daripada 9-10 orang. *Sariyah* ini telah diutus oleh Rasulullah saw untuk melakukan pengintipan ke atas pergerakan pasukan kaum Quraisy. Dengan takdir Allah swt, berlaku kejadian yang tidak diingini ketika mereka didalam perjalanan yang mana dua daripada anggota *sariyah* telah hilang kerana keluar mencari unta mereka yang tersesat. *Sariyah* tiba-tiba bertembung dengan kafilah dagang Quraisy yang dipimpin oleh Amru bin al-Hadhramiy. Selain Amru al Hadhramiy, kafilah tersebut turut disertai oleh Utsman bin Abdullah, al Hakam bin Kaisan dan Naufal bin Abdullah. *Sariyah* pimpinan Abdullah bin Jahsy bermusyawarah untuk menentukan langkah mereka yang seterusnya. Mereka memikirkan samada hendak pulang atau menyerang kafilah tersebut. Jika pulang, kafilah itu akan terlepas begitu sahaja dan bagaimana pula nasib dua rakan mereka yang hilang itu? Setelah agak lama bermusyawarah, mereka mengambil keputusan untuk menyerang kafilah kaum kafir Quraisy tersebut. Akhirnya, Amru bin al-Hadhramiy mati terbunuh, dua daripada anggotanya ditawan iaitu Utsman bin Abdullah dan al Hakam bin Kaisan manakala Naufal bin Abdullah berjaya melarikan diri. Setelah kepulangan *sariyah* pimpinan Abdullah bin Jahsy tiba di kota Madinah, mereka segera menemui Rasulullah saw. Baginda lalu bersabda: *“Aku tidak memerintahkan kalian membunuh mereka pada bulan haram”*. Lalu Rasulullah saw membiarkan dua tawanan dan harta rampasan tanpa mengambil apa-apa keputusan. **[Ibnu Hisyam, Sirah Nabi Jilid 1]**

Pada masa yang sama, pihak kaum kafir Quraisy menjadikan peristiwa ini sebagai alat untuk melancarkan propaganda terhadap kaum muslimin di Madinah. Orang-orang Quraisy berkata: *“Muhammad dan sahabat-sahabatnya telah menghalalkan bulan haram, menumpahkan darah di bulan haram, merampas harta di bulan haram, dan menawan orang-orang di bulan haram.”* Segelintir kaum muslimin yang menetap di dalam kota Mekah menangkis tuduhan tersebut dengan mengatakan bahawa mereka melakukannya pada awal bulan Sya’ban. Keadaan menjadi semakin genting apabila kaum Yahudi turut serta mencela apa yang telah dilakukan oleh Abdullah bin Jahsy. Pada masa yang sama Rasulullah saw tetap berdiam diri dan kaum muslimin pula terus merasa resah akibat tuduhan dan celaan yang tidak berpenghujung. Sehinggalah tidak berapa lama selepas itu, Allah swt menurunkan wahyu:

*“Mereka bertanya kepadamu tentang berperang pada bulan Haram. Katakanlah: ‘Berperang pada bulan itu adalah dilarang tetapi menghalangi ( manusia) dari jalan Allah, kafir kepada Allah, (menghalangi masuk) Masjidil Haram dan mengusir penduduk dari sekitarnya, adalah lebih buruk (dosanya) di sisi Allah. Dan berbuat fitnah lebih besar (dosanya) daripada membunuh. Mereka tidak henti-henti memerangi kamu sampai mereka (dapat) mengembalikan kamu dari agamamu ( kepada kekafiran) seandainya mereka sanggup.” [TMQ Al Baqarah (2) : 217]*

Ketika ayat ini diturunkan, kaum muslimin menyambutnya dengan gembira dan berasa lapang dada. Nabi saw segera mengambil harta rampasan itu dan dua tawanannya. Ayat di atas dengan jelas mengandungi jawapan yang mematikan berbagai propaganda yang dilancarkan oleh orang-orang Quraisy. [Ibnu Hisyam, Sirah Nabi Jilid 1]

## **MEMAHAMI SITUASI UMAT**

Situasi yang dihadapi oleh umat Islam pada hari ini tidak jauh berbeza. Dengan ucapan-ucapan penuh retorik, para pemimpin G8 yang bersidang di Gleneagles dengan segera mengambil kesempatan atas kejadian di kota London itu untuk menguatkan lagi usaha menentang keganasan. Pihak media pula membuat spekulasi awal iaitu tentang laman web “Pertubuhan Rahsia Al Qaeda Eropah” dan pengebom berani mati. Semuanya samada sedar atau tidak telah melahir dan memperhebatkan lagi syak wasangka ke atas komuniti kaum muslimin. Pada masa inilah, iaitu ketika komuniti muslimin sedang dituduh, diserang dari pelbagai penjuru dan berhadapan dengan pelbagai persoalan, kita seharusnya bertanya kepada diri kita, apakah yang sewajarnya kita lakukan untuk mengatasi semua ini. Ini sebenarnya adalah suatu bentuk ujian dari Allah swt. Kita akan dipersoal tentang sikap kita dalam menghadapi apa yang berlaku.

*“Dan sesungguhnya kami benar-benar akan menguji kamu sehingga kami mengetahui siapakah yang bermujahadah dan yang bersabar di antara kamu, dan kami akan menyatakan hal ehwalmu” ( siapakah yang berdusta, dan siapakah yang benar) [TMQ Muhammad (47) : 31]*

Allah telah mengangkat umat Islam untuk memikul dakwah Islam dan terus menyatakan yang hak walaupun berhadapan dengan berbagai provokasi dan ujian.. **Sesungguhnya menyatakan kebenaran tentang segenap aspek penjajahan ke atas dunia kaum muslimin, pembunuhan dan maruah yang dirampas oleh kuasa-kuasa barat merupakan kewajipan yang paling tinggi dan agung.** Peristiwa yang berlaku di kota London sudah tentu akan digunakan oleh kuasa-kuasa barat ini untuk

menutup mulut kaum muslimin dan **meletakkan kaum muslimin terus menerus di dalam keadaan yang defensif dan menyerah kalah dalam menyuarakan kebenaran.**

Memang benar, hukum di dalam Islam tidak membenarkan pembunuhan jiwa orang-orang awam, tetapi **pada masa yang sama, Islam tidak membenarkan kaum muslimin dicemuh dan terus diperlecehkan tanpa bukti yang kukuh atau lemah.** Sebenarnya, spekulasi yang diada-adakan itu hanyalah untuk **melahirkan ketakutan di dalam jiwa kaum muslimin agar mereka mengubah pendirian mereka terhadap hegemoni barat.** Sekiranya kaum muslimin tetap berpegang kepada Islam dan tetap mengatakan yang hak, ia akan dijadikan pula alasan untuk menahan dan memasukkan mereka ke dalam penjara.

*“Tidak ada sebab mengapa kami tidak bertawakkal kepada Allah. Sesungguhnya Dialah yang telah menunjukkan jalan kepada kami, dan kami benar-benar akan bersabar terhadap gangguan-gangguan yang kamu lakukan kepada kami. Dan hanya kepada Allah sahaja orang-orang yang bertawakkal itu berserah diri” [TMQ Al Ibrahim (14) : 12]*

## **KHATIMAH**

Penentangan ke atas kaum kuffar ini tidak akan memberi kesan sekiranya kaum muslimin kembali bersatu di bawah satu entiti politik - entiti politik yang mempunyai kuasa politik untuk melawan arus propaganda yang dilancarkan oleh kaum kuffar. Agar ianya dapat menjadi kenyataan, kita mestilah berganding bahu, berusaha dan bertawakkal kepada Allah swt supaya dapat memberikan kemenangan yang dekat kepada kita dengan tertegaknya Khilafah Islamiyyah. Inilah entiti politik yang dapat menyatukan umat Islam serta menjadi perisai bagi melindungi kaum muslimin daripada cengkaman politik dan ekonomi kuasa-kuasa barat. Khilafah Islamiyyah ini, dengan izin Allah, akan muncul semula menjadi kuasa dunia, membawa cahaya menerangi kegelapan yang sedang menyelubungi dunia kaum muslimin ketika ini.

*“Kebenaran (Islam) itu dari Tuhanmu, maka janganlah sekali-kali kamu menjadi orang yang ragu” [TMQ Al-Baqarah (2) : 147]*

Wahai kaum muslimin, tetap teguhlah kalian dengan Islam, nescaya Allah akan menjulang semula maruah kalian !

**Wallahua'lam**

## BICARA SN 1

Pada 2hb Julai 2005 yang lepas, telah berlangsung konsert Live 8 yang diadakan secara langsung di sembilan buah kota utama dunia. Ia diadakan bersempena dengan mesyuarat negara-negara G8 dan kempen 'Make poverty history' (Jadikan kemiskinan suatu sejarah). Ini adalah slogan bagi kempen yang sedang dijalankan oleh negara-negara G8 dalam usaha mereka untuk memerangi kemiskinan di kalangan negara-negara miskin di dunia. Namun hakikatnya, penyelesaian kepada agenda utama itu amat mengecewakan. Walaupun negara-negara G8 bersetuju untuk menghapuskan hutang negara-negara Afrika yang berjumlah sebanyak USD40 bilion, ia masih belum mencukupi. Jurang di antara negara-negara membangun dan negara maju semakin jauh. Hutang sebanyak USD40 bilion itu sebenarnya hanyalah sebahagian dari bunga pinjaman yang ditanggung oleh negara-negara Afrika. Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Global Development Finance, 2001, jumlah pinjaman termasuk bunga untuk semua negara-negara Afrika kepada IMF berjumlah USD 2.1 trillion. Jadi, pelepasan hutang sebanyak USD 40 billion yang diberikan oleh negara-negara G8 sebenarnya hanyalah 2% daripada jumlah besarnya. Benarlah kata-kata seorang pengamat ekonomi pada tahun 2002, yang mengatakan "One kind of terrorism hasn't been making the news recently. Its weapon is debt and it is a most efficient killer" (Terdapat sejenis keganasan yang tidak mendapat liputan berita sejak kebelakangan ini. Senjatanya adalah hutang dan ia merupakan pembunuh yang sangat efisien). Terlalu banyak statistik yang memanifestasikan jurang yang amat besar ini, menonjolkan tahap kemiskinan yang melampau di kalangan majoriti penduduk dunia. Dan ini merupakan suatu masalah yang amat ketara dan membimbangkan. Negara G8 'cuba' menyelesaikannya, namun penyelesaian kapitalis hanyalah bagaikan melepaskan batuk di tangga - membantu negara-negara miskin bukanlah merupakan agenda utama negara-negara kapitalis.

Ini berbeza dengan Islam. Penyelesaian daripada Islam bukanlah didasarkan kepada manfaat kewangan atau pendekatan *utilitarian*. Tonggak penyelesaian Islam didasari oleh penyampaian pemikiran dan konsep Islam bagi mengubah paradigma kapitalis yang rosak dan meletakkan agenda kemiskinan sebagai salah satu agenda yang paling utama. Apabila Daulah Khilafah Islamiyyah tertegak kelak, di antara perkara-perkara yang boleh dilaksanakan bagi menangani permasalahan ekonomi dan kemiskinan yang wujud di dunia adalah:

**Pertama** Meletakkan keutamaan kepada agenda kemiskinan. Kita tidak boleh hanya merancang untuk mengurangkan kadar kemiskinan, sebaliknya di dalam Islam, kita mesti berusaha untuk menghapuskannya sama sekali. Sabda Nabi saw : "Anak adam mempunyai hak atas tiga perkara : rumah untuk didiami, kain untuk menutup tubuhnya dan sekeping roti serta air"

Isu utama yang akan ditangani kelak adalah mencari jalan untuk memastikan bahawa tiga perkara asas itu dapat dipenuhi oleh setiap individu di dalam Daulah.

**Kedua** Daulah Khilafah Islamiyyah boleh menubuhkan sebuah badan dunia yang baru sebagai menggantikan atau sebagai persaingan kepada IMF, Bank Dunia dan Majlis UN. Badan-badan dunia kapitalis ini merupakan senjata kolonialisma barat. Mengharapkan bantuan mereka samalah seperti membiarkan "sang musang menjaga reban ayam".

**Ketiga** Mengantikan sistem matawang dunia yang rata-rata disandarkan kepada dolar kepada sistem matawang yang berdasarkan emas bagi menstabilkan ekonomi dunia.

**Keempat** Daulah Khilafah Islamiyyah akan melancarkan kempen untuk menghapuskan sistem pinjaman berasaskan faedah atau riba yang merupakan tulang belakang sistem ekonomi kapitalis.

Walaupun masyarakat barat maju di dalam pelbagai bidang yang berkaitan dengan sains dan teknologi dan makmur secara ekonomi, namun nilai kehidupan dan kemanusiaan telah merosot. Sikap individualisme, kemerosotan nilai kerohanian dan polisi luar negara yang kejam semakin ketara kebelakangan ini. **Apa yang diperlukan sekarang adalah sebuah negara Islam yang tertegak di atas dasar aqidah yang luhur dan menerapkan sistem Islam secara kaffah.** Dengan izin Allah, kemajuan sains dan teknologi, kejayaan material, keluhuran akhlak dan kekentalan iman akan membentuk asas Daulah Khilafah Islamiyyah yang diredhai Allah ini.

## BICARA SN 2

Didalam ruangan Tetamu BM [Berita Minggu 10 Julai], Prof. Madya Saliha Hassan telah ditemu ramah mengenai fenomena 'tsumawi' yang dikaitkan dengan salah seorang peserta rancangan Akademi Fantasia musim ketiga. Kemunculan Asmawi Ani sebagai salah seorang peserta AF3 menjadi tumpuan peminat-peminat hiburan tanahair sejak kebelakangan ini. Dalam 'menganalisis' keistimewaan Mawi, PM Saliha Hassan menyifatkannya sebagai mempamerkan 'aura' rakyat. Dengan menggunakan analog Perdana Menteri, Mawi dikatakan memperonafikasikan 'model melayu baru yang ada jati diri, *confidence in his Islamic and Malaysian Malay identity*...'. Mawi dikatakan dapat menjadi 'role model', seperti Siti Nurhaliza, bagi generasi muda melayu muslim yang rata-rata gila hiburan.

Apabila ditimbulkan isu idola dan *role model*, kita kerap kali dibayangkan dengan artis atau ahli sukan terkenal. Anak-anak muda tergilagila meniru gaya dan fesyen artis dan ahli sukan kegemaran mereka ini. **Pengertian sebenar 'role model' telah luntur dan digantikan dengan pengertian yang lebih berbau kehidupan yang 'glamour'; memanifestasikan populariti dan habuan kewangan sebagai sebuah kejayaan. Inilah yang berlaku apabila aqidah Islam tidak dijadikan rujukan; apabila idola sebenar yang sewajarnya ditiru, Rasulullah saw, dilupakan dan wujud hanya di dalam bayangan kerohanian yang malap.** Namun hakikatnya Allah swt, Pencipta manusia dan alam semesta, telahpun menurunkan idola yang penuh rahmah sebagai ikutan umat manusia. Inilah idola dan *role model* sebenar bagi umat manusia keseluruhannya!!

"*Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri tauladan yang baik bagimu (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan ia banyak mengingat Allah*" [TMQ Al Ahzab (33) : 21]

Selawat dan salam ke atas junjungan besar Muhammad saw, idola sejati kita!